

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian jumlah dan nilai projek-projek pembesaran Hospital Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Seberang Jaya dan Balik Pulau serta klinik-klinik kesihatan di Pulau Pinang. Adakah projek-projek tersebut kini dilaksanakan mengikut garis masa ditetapkan, sekiranya terdapat penangguhan, perincian sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat lapan (8) projek naiktaraf Hospital dan empat (4) projek Klinik Kesihatan baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan di Pulau Pinang seperti berikut:

- a. Projek Naiktaraf Hospital Pulau Pinang (Fasa 2) dengan kos RM21.5 Juta, telah siap dan diserahkan.
- b. Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan kos RM22.09 Juta, telah siap dan diserahkan.
- c. Projek *Multi Storey Block* Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan kos RM486.2 Juta, dalam Fasa Pelaksanaan.
- d. Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan, Unit Forensik Dan Patologi, Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang dengan kos RM28.97 Juta, dalam Fasa Pelaksanaan.
- e. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandar Perda, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan kos RM30.12 Juta, dalam Fasa Pelaksanaan.
- f. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters Air Putih, Pulau Pinang dengan kos RM30 Juta, dalam Fasa Pelaksanaan.
- g. Projek Membina Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang dengan kos asal RM19.15 Juta, dalam Fasa Pra Pelaksanaan.
- h. Projek Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang dengan kos RM296.98 Juta, dalam Fasa Pra Pelaksanaan.
- i. Projek Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang dengan kos RM500 Juta, dalam Fasa Pra Pelaksanaan.
- j. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan dengan kos RM30 Juta dalam Fasa Pra Pelaksanaan.
- k. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bayan Lepas, Pulau Pinang dengan kos RM41.1 Juta, dalam Fasa Pra Pelaksanaan.
- l. Kerja Awalan Menaiktaraf Sistem Bekalan Elektrik Hospital Bukit Mertajam yang diluluskan pada 14 Julai 2020.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi projek di Fasa Pelaksanaan, Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang yang dijadualkan siap pada 2 Mac 2021 mengalami kelewatan. Kemajuan fizikal semasa projek adalah Sebenar (73%) berbanding Jadual (87%). Punca kelewatan adalah kelemahan pengurusan di pihak kontraktor. Dalam hal ini, pihak kontraktor telah diarahkan untuk menyediakan pelan pemulihan dan pihak Jabatan Kerja Raya sedang memantau rapi prestasi kerja di tapak.

3. Selain itu, bagi projek di fasa pra-pelaksanaan pula, kelewatan dalam memulakan projek adalah disebabkan oleh faktor berikut:

- a. Projek Membina Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang - kelewatan memulakan projek disebabkan keperluan untuk melaksanakan tender semula serta peningkatan kos projek.
- b. Projek Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang - kelewatan memulakan projek disebabkan keperluan untuk melaksanakan tender semula serta penilaian semula tender.
- c. Projek Blok Klinik Pakar dan Wad Hospital Pulau Pinang - kelewatan memulakan projek disebabkan isu tapak yang sempit dan anggaran kos awal projek melebihi peruntukan yang diluluskan.
- d. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bayan Lepas, Pulau Pinang - kelewatan memulakan projek disebabkan isu tapak yang sempit dan berbukit.

4. Untuk makluman Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan komited dalam memastikan projek-projek ini dapat dilaksana dan disiapkan mengikut perancangan agar kemudahan perkhidmatan kesihatan yang terbaik tersedia kepada masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.